

MAKLUMAT UMUM SIJIL TAHFIZ MALAYSIA

PENGENALAN

1	JAKIM telah memperkenalkan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) pada tahun 2011.
2	Pemberian sijil ini adalah sebagai satu pengiktirafan Kerajaan Malaysia kepada penghafaz al-Quran yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran.
3	Program ini terbuka kepada semua penghafaz al-Quran yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran.

OBJEKTIF

1	Memberi pengiktirafan kepada golongan penghafaz al-Quran.
2	Memberi galakan kepada masyarakat Islam di Malaysia menghafaz al-Quran.
3	Memberi peluang kepada golongan yang tidak mendapat pendidikan secara formal untuk mendapatkan sijil khas tahfiz.

KELEBIHAN

1	Mendapat sokongan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) tajaan JAKIM bagi menyambung pengajian ke peringkat Ijazah dan ke atas.
2	Mendapat pengiktirafan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memohon jawatan Guru Tahfiz KPM.

SYARAT PERMOHONAN

1	Warganegara Malaysia
2	Berumur 17 tahun dan ke atas
3	Telah menghafaz 30 juzuk al-Quran
4	Mengemukakan surat pengesahan/ rekod hafazan 30 juzuk daripada institusi atau guru tasmi'

YURAN PERMOHONAN

RM150 setiap permohonan

CARA PERMOHONAN

1	Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Darul Quran.
2	Sertakan satu salinan kad pengenalan yang disahkan.
3	Sertakan satu salinan sijil tamat hafazan 30 juzuk / surat pengesahan hafazan 30 juzuk / rekod hafazan 30 juzuk yang telah disahkan.
4	Sertakan kiriman Wang sebanyak RM150.00 atas nama *PENGARAH DARUL QURAN .

****Borang permohonan yang tidak lengkap serta Kiriman Wang yang dibuat bukan di atas nama PENGARAH DARUL QURAN tidak akan diproses.***

KAEDAH PENILAIAN

1	Ujian Syafawi al-Quran (30 juz)
2	Ujian Tahriri al-Quran (30 juz)
3	Ujian Bertulis Pengetahuan Agama Islam

PENGANUGERAHAN SIJIL

Calon yang berjaya akan dianugerahkan **Sijil Tahfiz Malaysia (STM)** oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.